

# **Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Penggunaan *E-Learning* Di Kalangan Pelajar-Pelajar Tahun Empat, Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia**

Juhazren Junaidi & Madidah Jailani

Fakulti Pendidikan,  
Universiti Teknologi Malaysia

**Abstrak :** Perkembangan teknologi yang pesat memberikan impak kepada bidang pendidikan. Bidang pendidikan mengalami perubahan seiring dengan arus perubahan globalisasi. *E-learning* merupakan satu fenomena yang melanda dunia pendidikan negara. Namun ia telah lama diaplikasi di negara-negara maju kerana ia dipercayai mampu memberikan pelbagai manfaat kepada pihak-pihak yang terlibat dalam sesi pengajaran dan pembelajaran. Kajian ini bertujuan untuk melihat sejauhmana faktor isi kandungan, kaedah komunikasi dan maklumat tambahan mempengaruhi penggunaan *e-learning* di kalangan pelajar-pelajar tahun empat, Fakulti pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia. Sampel kajian terdiri daripada 102 pelajar yang dipilih secara rawak mudah daripada 120 pelajar. Data yang diperolehi telah dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science* (SPSS) versi 11.5. Bilangan sampel adalah berdasarkan kepada jadual Krejcie, R.V dan Morgan, D.W. Nilai alpha bagi soal selidik ialah,  $\alpha = 0.966$ . Dapatan kajian menunjukkan nilai min bagi ketiga-tiga faktor adalah tinggi. Maka, ketiga-tiga faktor ini merupakan antara faktor-faktor yang mempengaruhi penggunaan *e-learning*. Kajian ini diharapkan dapat menyumbang maklumat yang berguna kepada pihak-pihak yang berkaitan agar dapat meningkatkan lagi tahap penggunaan *e-learning* serta memaksimumkan penggunaannya.

*Katakunci :* penggunaan E-Learning

## **Pendahuluan**

Bermula sekitar tahun 1956, perubahan dan kemajuan dalam bidang sains dan teknologi kian membengkak. Dalam tempoh beberapa dekad, banyak kemajuan yang telah ditunjukkan dan ia turut mempengaruhi perkembangan bidang-bidang lain seperti peniagaan, komunikasi dan lain-lain. Bidang pendidikan juga tidak terlepas daripadanya. Kini, bidang pendidikan lebih terbuka yang mana sesi pengajaran dan pembelajaran tidak lagi terhad di dalam kelas sahaja. Malah, pengajar dan pelajar boleh berada di tempat yang berlainan semasa sesi pengajaran dan pembelajaran berlangsung.

Sehubungan dengan perubahan pesat yang melanda dunia khususnya dalam era teknologi dan maklumat, kerajaan tidak mahu ketinggalan untuk turut bersaing dengan dunia dalam bidang teknologi. Apatah lagi teknologi dalam kehidupan seharian kini tidak dapat disangkal lagi kepentingannya. Justeru itu, kerajaan telah mengambil beberapa langkah dalam membekalkan ilmu berkaitan teknologi kepada para pelajar. Ini adalah antara usaha mulia kerajaan dalam melahirkan generasi yang berilmu dan berdaya saing dalam era teknologi dan maklumat.

Jika diimbab kembali perubahan yang melanda dalam sistem pendidikan negara terutamanya kaedah pengajaran, ia berubah seiring dengan arus perubahan dalam sistem pendidikan dunia. Bermula dengan kaedah pengajaran tradisional yang menggunakan papan hitam (*black board*), diikuti penggunaan papan putih (*white board*), dan seterusnya penglibatan Alat Bantu Mengajar (ABM) dalam sesi pembelajaran, kini pengintegrasian teknologi maklumat serta pengaplikasian internet dalam sesi pembelajaran iaitu e-pembelajaran (*e-learning*) telah tersebar luas.

Kini, teknologi komputer bukan sahaja membantu dalam mengaplikasikan teori pembelajaran, malah ia turut menyumbang kepada kaedah pembelajaran yang baru dalam dunia pendidikan (Pena-Shaff, Martin dan Gray, 2001). Jamalludin dan Zaidatun (2003) berpendapat, penggunaan komputer adalah tertumpu kepada perpindahan strategi dan cara persembahan maklumat yang digunakan kepada pengetahuan yang bermakna dan bermanfaat. Bagi teks isi pelajaran pula, ia dipersembahkan semula melalui penggunaan media yang pelbagai, menarik dan lebih dinamik. Dengan ini, ia mampu menarik pelajar dan merangsang minda pelajar.

Penggunaan komputer dalam proses pengajaran dan pembelajaran memberikan impak kepada corak pendidikan kini dan juga masa akan datang. Ini disebabkan kelebihan dan keistimewaan yang ditawarkan oleh komputer dan tidak dapat dinafikan kejayaan komputer dalam menarik minat ramai pihak terutamanya para pelajar. Suatu hari nanti, kemungkinan pengajaran secara tradisional iaitu penggunaan papan hitam dan kapur akan digantikan sepenuhnya oleh komputer dan teknologi lain yang setara. Namun, hanya satu sahaja yang tidak mungkin teknologi dapat menggantikan, iaitu peranan guru. Komputer dan teknologi hanyalah alat yang membantu dalam proses pembelajaran supaya dapat menghasilkan pembelajaran yang lebih bermakna (Jamalludin dan Zaidatun, 2003).

### **Pernyataan Masalah**

*E-learning* merupakan penyelesaian yang ideal bagi mereka yang menghadapi masalah tidak dapat menghadiri kuliah. Masalah ini mungkin disebabkan oleh kekangan-kekangan yang dihadapi oleh pelajar seperti masalah kesihatan. Selain itu, masalah menghadirkan diri ke kelas juga mengganggu mereka yang berminat untuk belajar tetapi menghadapi masalah disebabkan oleh kekangan waktu kerana bekerja.

Terdapat beberapa perkara yang telah dikenal pasti sebagai faktor kepada penggunaan *e-learning*. Antaranya ialah faktor reka bentuk, faktor kesenangan untuk diguna, faktor penyarah dan beberapa faktor lagi. Bagi kajian ini, pengkaji akan mengkaji beberapa ciri *e-learning* yang baik untuk memastikan adakah ciri-ciri *e-learning* yang baik ini menjadi perangsang kepada pelajar untuk menggunakan *e-learning*. Pengkaji telah memilih tiga ciri *e-learning* yang baik untuk dijadikan bahan kajian pengkaji. Pemilihan ini adalah berdasarkan kepada pandangan daripada beberapa penulis yang menyatakan perkara yang sama.

Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti adakah isi kandungan, kaedah komunikasi dan maklumat tambahan dalam *e-learning* mempengaruhi penggunaan *e-learning* di kalangan pelajar. Kajian ini difokuskan kepada pelajar-pelajar tahun empat Sarjana Muda Sains dan Komputer serta Pendidikan di Fakulti Pendidikan, UTM.

### **Objektif Kajian**

Objektif kajian ini dijalankan adalah:

- i. Mengetahui isi kandungan *e-learning* mempengaruhi penggunaan *e-learning*;
- ii. Mengetahui kaedah komunikasi dalam *e-learning* yang mempengaruhi penggunaan *e-learning*;
- iii. Mengetahui maklumat tambahan dalam *e-learning* mempengaruhi penggunaan *e-learning*.

### **Kepentingan Kajian**

Kajian tentang faktor penggunaan *e-learning* ini mempunyai kepentingan kepada beberapa pihak, iaitu pelajar, pensyarah, Fakulti Pendidikan dan UTM. Kajian ini penting kepada

pihak yang dinyatakan kerana mereka terlibat dalam usaha meningkatkan penggunaan *e-learning*. Pihak universiti merupakan pembangun sistem serta bertanggungjawab terhadap penyediaan kemudahan serta prasarana. Pihak fakulti pula berperanan dalam melaksanakan dan mendedahkan kepada pelajar. Pihak pensyarah berperanan dalam mendorong dan menggalakkan pelajar aktif menggunakan *e-learning*. Pihak pelajar harus menggunakan peluang yang diberikan agar tidak ketinggalan dalam dunia teknologi dan maklumat kini. Penerangan selanjutnya akan dinyatakan dibawah:

**Pelajar :** Bagi pihak pelajar, kajian ini akan menambahkan pengetahuan mereka tentang faktor-faktor yang mempengaruhi penggunaan *e-learning* terutamanya pelajar-pelajar yang mengambil subjek-subjek komputer dan multimedia. Ini kerana mereka lebih terdedah kepada pembelajaran atas talian (*online*). Seterusnya kepada pelajar-pelajar yang membangunkan laman web pendidikan bagi Projek Sarjana Muda. Kajian ini akan menyumbang kepada penambahan maklumat mereka tentang faktor-faktor yang mempengaruhi pembelajaran atas talian (*online*) yang dibangunkan oleh mereka.

**Pensyarah :** Bagi pihak pensyarah, kajian ini menyumbangkan maklumat berkenaan faktor-faktor yang mempengaruhi penggunaan *e-learning* di kalangan pelajar-pelajar Fakulti Pendidikan. Dapatan kajian yang diperolehi diharap dapat membantu pensyarah-pensyarah dalam mengambil langkah yang sewajarnya bagi meningkatkan mutu dan kualiti *e-learning*. Hasil daripada kajian ini juga diharap dapat membawa perubahan yang positif terhadap penggunaan *e-learning* dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

**Fakulti Pendidikan :** Bagi pihak fakulti, kajian ini menyumbangkan maklumat tentang antara faktor-faktor yang mempengaruhi penggunaan *e-learning* khusus di kalangan pelajar pelajar Sarjana Muda Sains dan Komputer serta Pendidikan. Seterusnya, dapatan kajian ini diharap dapat membantu sedikit sebanyak pihak fakulti dalam proses melakukan penambahbaikan sistem *e-learning*. Oleh itu, mutu sistem *e-learning* fakulti pendidikan dapat dipertingkatkan lagi tahapnya.

**Universiti Teknologi Malaysia :** Bagi pihak universiti, kajian ini menyumbangkan maklumat tentang beberapa faktor yang mempengaruhi penggunaan *e-learning*. Hasil kajian ini juga boleh dikongsi dan disebarkan kepada fakulti-fakulti lain di UTM dalam usaha penambahbaikan sistem *e-learning* di fakulti-fakulti lain. Usaha yang sedikit ini diharapkan dapat membantu dalam meningkat kualiti sistem *e-learning* fakultifakulti di UTM. Oleh yang demikian, kualiti sistem *e-learning* universiti dapat dipertingkatkan lagi seiring dengan moto universiti '*Towards World Class University*'.

### **Reka Bentuk Kajian**

Bahagian yang utama dalam menentukan metodologi kajian adalah mengenal pasti reka bentuk kajian. Reka bentuk kajian merupakan panduan tentang pendekatan kaedah yang sesuai digunakan bagi sesuatu kajian (Othman, 2001). Reka bentuk kajian dapat ditetapkan sekiranya pernyataan masalah, tujuan kajian serta persoalan kajian telah dikenal pasti. Bagi kajian ini, reka bentuk kajian yang akan diaplikasikan adalah kaedah tinjauan berbentuk deskriptif.

Kaedah tinjauan ialah satu kaedah yang mudah dan popular (Mohd. Najib, 2003). Kaedah tinjauan merupakan kajian terhadap perkara yang sedang berlaku. Ia dijalankan dengan cara mendapatkan data dalam tempoh suatu masa tertentu sahaja. Selain itu, kaedah ini juga digunakan untuk mengukur pembolehubah-pembolehubah yang berkaitan dengan suatu fenomena tanpa menyoal mengapa pembolehubah tersebut wujud (Mohd. Majid, 2005).

Jenis kajian yang digunakan adalah jenis deskriptif. Proses yang dijalankan dalam kajian jenis deskriptif adalah mengenal pasti komponen kajian dan keterangan kaitan antara komponen (Mohd. Najib, 2003). Menurut Mohd. Majid (2005), “Penyelidikan deskriptif merupakan penyelidikan yang bermatlamat untuk menerangkan sesuatu fenomena yang sedang berlaku” (p.96). Kaedah deskriptif penting bagi mengenal pasti faktor-faktor yang berkaitan dengan sesuatu peristiwa, perkembangan, atau pengalaman.

### **Sampel Kajian**

Mohamad Najib (1999) berpendapat sampel merupakan sumber bagi mendapatkan data kajian. Beliau juga menyebut sampel sebagai contoh am populasi. Apakah hubungan antara populasi dan sampel kajian? Populasi seperti yang diterangkan di atas merupakan kelompok individu atau objek yang akan dikaji. Sekiranya populasi yang telah dikenal pasti bersaiz besar, adalah terlalu sukar untuk pengkaji melibatkan semua individu dalam populasi tersebut. Maka pengkaji boleh memilih wakil daripada populasi tersebut.

Individu-individu yang mewakili sesuatu populasi kajian dinamakan sampel. Sampel ini diperolehi dengan melalui kaedah persampelan (Mohd. Majid, 2005). Sulaiman Ngah (2002) berpendapat, sampel merujuk kepada subset (sebahagian) daripada populasi. Penyelidikan dijalankan ke atas sampel dan berdasarkan ciri-ciri sampel, inferensi dilakukan ke atas populasi.

Persampelan merupakan satu strategi penyelidikan iaitu pengkaji boleh mendapatkan maklumat tentang sesuatu populasi daripada sebahagian individu yang menganggotai populasi tersebut. Prinsip utama persampelan adalah untuk mendapatkan sampel yang benar-benar mewakili populasi. Persampelan bagi kajian ini menggunakan persampelan jenis rawak mudah. Rawak jenis ini memberikan peluang yang sama kepada kepada setiap individu untuk mewakili populasi (Mohd. Najib, 2003). Berdasarkan jadual Krejcie, R.V dan Morgan, D.W dalam Azizi et al. (2006), nilai minimum bagi populasi 120 orang adalah 92 orang.

**Jadual 3.2 : Sampel kajian**

<b>Kursus</b>	<b>Bilangan</b>
4 SPK	21
4 SPP	15
4 SPT	35
4 SPT (PKPG)	31
<b>Jumlah</b>	<b>102</b>

### **Instrumen Kajian**

Instrumen disebut juga sebagai alat ukur. Instrumentasi merujuk kepada alat yang digunakan untuk mengukur (Mohamad Najib, 1999). Alat ukur digunakan untuk mengukur pembolehubah-pembolehubah yang dikaji. Alat ukur yang sempurna akan mengukur dengan tepat pembolehubah-pembolehubah yang hendak diukur.

Pengkaji mempunyai pilihan untuk menggunakan instrumen yang telah dibina oleh pengkaji lain atau membina instrumen sendiri. Namun, terdapat dua kriteria yang perlu pengkaji pertimbangkan dahulu, iaitu berkaitan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen tersebut. Sekiranya pengkaji ingin menggunakan instrumen yang telah dibina oleh pengkaji lain, pengkaji

perlu mendapatkan indeks kesahan dan kebolehpercayaan instrumen tersebut sebelum menggunakannya.

Terdapat beberapa jenis instrumen yang digunakan dalam bidang penyelidikan. Bagi kajian ini, pengkaji akan menggunakan instrumen soal selidik untuk mendapatkan data. Instrumen jenis ini adalah lebih sesuai digunakan kerana saiz populasi adalah besar. Menurut Mohd. Majid (2005), soal selidik digunakan bagi mendapatkan maklumat daripada saiz populasi yang besar.

Soal selidik merupakan alat atau instrumen yang digunakan bagi mengukur tingkah laku responden (Mohd. Najib, 2003). Soal selidik dapat meningkatkan ketepatan dan kebenaran respon responden terhadap rangsangan soalan yang diberi. Ini kerana respon yang diberikan tidak dipengaruhi oleh personaliti dan tingkah laku pengkaji. Tambahan lagi responden merasakan diri mereka selamat untuk memberikan jawapan yang tepat dan benar kerana maklumat yang mereka berikan adalah rahsia, pengkaji tidak hadir sama semasa responden memberikan gerak balas (Mohd. Majid, 2005).

Bagaimanapun, terdapat sedikit kekurangan menggunakan instrumen soal selidik. Ketepatan dan kebenaran respon yang diberikan adalah bergantung kepada sejauh mana responden memahami soal selidik tersebut (Mohd. Majid, 2005). Selain itu, menyediakan satu soal selidik juga memerlukan masa dan pemikiran yang mendalam. Beberapa kesilapan yang biasa dilakukan dalam pembinaan soal selidik adalah isi yang disoal tidak penting dan butiran yang dinyatakan tidak jelas (Sulaiman Ngah, 2002).

### **Kajian Rintis**

Kajian rintis merupakan aktiviti yang amat penting dalam kajian tinjauan. Ia bertujuan menentukan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen kajian. Selain itu, ia juga digunakan untuk menguji kaedah terbaik mentadbir instrumen dan kesesuaian kaedah analisis (Mohd. Najib, 2003).

Bagi kajian ini, kesahan instrumen merujuk kepada kesahan soal selidik. Kesahan soal selidik bertujuan mengukur setakat mana soal selidik yang dibina mengukur data yang sepatutnya diukur. Sekiranya soal selidik yang dibina tidak mengukur data yang sepatutnya diukur, maka dapatan kajian yang diperolehi adalah tidak bermakna (Mohd. Majid, 2005).

Kajian rintis dijalankan dengan pengkaji mentadbir soal selidik kepada sekumpulan responden yang mempunyai ciri yang sama dengan populasi sebenar. Menurut Mohd. Najib (2003), responden seramai 15-20 adalah mencukupi bagi menganalisis kesahan luaran. Namun bagi Mohamad Najib (1999), saiz sampel bagi kajian rintis tidak perlu besar tetapi memadai untuk memenuhi tujuan perbincangan awal yang berkesan tentang ujian, iaitu dalam 6 hingga 9 orang. Berdasarkan dua pernyataan ini, pengkaji memutuskan sampel bagi kajian rintis adalah seramai 10 orang.

Sebelum kajian rintis dijalankan, soal selidik tersebut telah dilihat dan disahkan oleh Encik Juhazren bin Junaidi. Kajian rintis dijalankan secara rawak ke atas 10 orang pelajar SPK, SPP, SPT dan SPT (PKPG). Data bagi kajian ini kemudiannya dianalisis menggunakan perisian SPSS versi 11.5 untuk mendapatkan nilai kebolehpercayaan soal selidik tersebut. Nilai kebolehpercayaan yang diperolehi adalah  $\alpha = 0.966$ . Nilai kebolehpercayaan ini menunjukkan soal selidik tersebut adalah bagus dan boleh digunakan untuk kajian. Ini kerana instrument yang mempunyai nilai pekali yang kurang daripada 0.6 boleh dianggap mempunyai nilai kebolehpercayaan yang rendah (Mohd. Salleh dan Zaidatun, 2001).

## Analisis Data

Berdasarkan jadual di bawah, didapati item pertama mempunyai min tertinggi iaitu 4.412. Sebanyak 47.1% (48 orang) memilih untuk sangat setuju dengan item tersebut, 49.0% (50 orang) memilih untuk setuju, 2.9% (3 orang) pula memilih untuk agak setuju. Selain itu, 1.0% (1 orang) memilih untuk sangat tidak setuju dan tiada responden yang memilih untuk tidak setuju. Item yang mempunyai nilai min yang terendah adalah item keenam dengan min 3.912. Sebahagian responden, iaitu 55.9% (57 orang) menyatakan setuju dengan item ini, 20.6% (21 orang) menyatakan sangat setuju dan 19.6% (20 orang) pula menyatakan agak setuju. Bagi responden yang memilih untuk tidak setuju dan sangat tidak setuju, peratusan adalah sama iaitu 2.0% (2 orang).

Bagi item ketujuh, min yang diperolehi adalah 4.186 dengan 66.7% (68 orang) setuju dengan item tersebut, 27.5% (28 orang) sangat setuju, 3.9% (4 orang) agak setuju dan masing-masing 1.0% (1 orang) bagi yang tidak setuju dan sangat tidak setuju dengan item ini. Diikuti item kesepuluh dengan min 4.147, 61.8% (63 orang) setuju dengan item tersebut manakala 27.5% (28 orang) sangat setuju, 8.8% (9 orang) pula agak setuju, 2.0% (2 orang) tidak setuju dan tiada responden yang tidak setuju dengan item ini.

Bagi item ketiga dan kesembilan, masing-masing mendapat nilai min yang sama iaitu 4.078. Namun, 30.4% (31 orang) menyatakan sangat setuju dengan item ketiga berbanding dengan item kesembilan, hanya 24.5% (25 orang) sahaja. Bagi item ketiga, 53.9% (55 orang) menyatakan setuju dengan item tersebut, 10.8% (11 orang) menyatakan agak setuju, 2.9% (3 orang) tidak setuju dan 2.0% (2 orang) pula menyatakan sangat tidak setuju. Manakala item kesembilan pula, 62.7% (64 orang) setuju dengan item tersebut, 9.8% (10 orang) agak setuju, 2.0% (2 orang) menyatakan tidak setuju dan hanya 1.0% (1 orang) sahaja yang menyatakan sangat tidak setuju.

Min yang tinggi seterusnya adalah item keempat dengan min 4.069. Bagi item ini, majoriti responden menyatakan setuju dengan item ini dengan peratusan 54.9% (56 orang). 27.5% (28 orang) pula menyatakan sangat setuju, 15.7% (16 orang) menyatakan agak setuju dan peratusan bagi responden yang memilih tidak setuju dan sangat tidak setuju dengan item ini, masing-masing adalah 1.0% (1 orang). Ini diikuti dengan item kedua dengan min 4.010. Hampir sebahagian responden, iaitu 49.0% (50 orang) memilih untuk setuju, 30.4% (31 orang) pula memilih untuk sangat setuju. Selebihnya, 13.7% (14 orang) menyatakan agak setuju, 4.9% (5 orang) tidak setuju dan 2.0% (2 orang) menyatakan sangat tidak setuju.

Item seterusnya dengan min 3.990, iaitu item kelapan, melebihi min bagi item kelima sebanyak 0.049, iaitu 3.941. Lebih daripada sebahagian responden telah memilih untuk setuju dengan item kelapan, iaitu 53.9% (55 orang). Seterusnya, 27.5% (28 orang) memilih untuk sangat setuju, 9.8% (10 orang) menyatakan agak setuju, 7.8% (8 orang) pula tidak setuju dengan item tersebut dan hanya 1.0% (1 orang) sahaja yang sangat tidak setuju. Begitu juga dengan item kelima, hanya 1.0% (1 orang) sahaja yang sangat tidak setuju. Selebihnya, 6.9% (7 orang) menyatakan tidak setuju, 16.7% (17 orang) memilih untuk agak setuju, 48.0% (49 orang) menyatakan setuju dan 27.5% (28 orang) pula sangat setuju dengan item ini. Secara keseluruhannya, nilai min bagi faktor isi kandungan adalah 4.082.

**Jadual 4.5 :** Taburan responden bagi faktor isi kandungan

Kenyataan	STS	TS	AS	S	SS	Min
1.Saya melayari <i>e-learning</i> untuk mendapatkan bahan-bahan berkaitan dengan kuliah.	1 1.0%	0 0.0%	3 2.9%	50 49.0%	48 47.1%	4.412
2.Kandungan <i>e-learning</i> yang sentiasa dikemaskini mendorong saya untuk melayari <i>e-learning</i> .	2 2.0%	5 4.9%	14 13.7%	50 49.0%	31 30.4%	4.010
3.Saya merujuk kepada <i>e-learning</i> untuk mendapatkan maklumat yang tepat.	2 2.0%	3 2.9%	11 10.8%	55 53.9%	31 30.4%	4.078
4.Bahan-bahan di dalam <i>e-learning</i> membantu meningkatkan kesediaan saya menghadiri kuliah.	1 1.0%	1 1.0%	16 15.7%	56 54.9%	28 27.5%	4.069
5.Bahan-bahan di dalam <i>e-learning</i> membantu meningkatkan tumpuan saya semasa kuliah.	1 1.0%	7 6.9%	17 16.7%	49 48.0%	28 27.5%	3.941
6.Kandungan <i>e-learning</i> membantu meningkatkan tahap kefahaman saya.	2 2.0%	2 2.0%	20 19.6%	57 55.9%	21 20.6%	3.912
7.Kandungan <i>e-learning</i> membantu saya menjimatkan masa untuk mendapatkan bahan rujukan.	1 1.0%	1 1.0%	4 3.9%	68 66.7%	28 27.5%	4.186
8.Kandungan <i>e-learning</i> membantu saya menjimatkan kos untuk mendapatkan bahan rujukan.	1 1.0%	8 7.8%	10 9.8%	55 53.9%	28 27.5%	3.990
9.Bahan yang disediakan di dalam <i>e-learning</i> mudah untuk dibaca.	1 1.0%	2 2.0%	10 9.8%	64 62.7%	25 24.5%	4.078
10.Saya merasa selesa dengan jenis tulisan yang digunakan bagi bahan-bahan di dalam <i>e-learning</i> .	0 0.0%	2 2.0%	9 8.8%	63 61.8%	28 27.5%	4.147
<b>Purata</b>						<b>4.082</b>

### Perbincangan

Responden-responden didapati bersetuju bahawa tahap komunikasi yang berubah lebih positif memainkan peranan dalam mempengaruhi mereka untuk terus menggunakan *e-learning*. Selain daripada berkomunikasi dengan lebih ramai individu, *e-learning* juga membantu meningkatkan keupayaan diri responden dalam menyuarakan pandangan atau idea. Ia juga membantu meningkatkan keyakinan diri pelajar dalam memberikan pandangan terhadap pendapat individu yang lain. Seterusnya, secara tidak langsung, *e-learning* telah membantu pelajar meningkatkan kebolehan diri dalam berkomunikasi secara keseluruhannya. Item-item yang menyokong faktor ini adalah item kelima hingga item kelapan dan nilai min bagi bahagian kedua untuk faktor kaedah komunikasi ini adalah 3.762. Nilai min ini adalah tinggi dan disokong oleh kenyataan daripada Holmes dan Gardner.

*E-learning* mempunyai kelebihan dari segi penglibatan pelajar yang ramai berbanding cara pembelajaran tradisional. Kelebihan ini membenarkan pelbagai aktiviti berkumpulan dapat dijalankan seperti aktiviti yang memerlukan pelajar mencari dan menganalisis maklumat, penyelesaian masalah dan beberapa aktiviti lagi. Aktiviti-aktiviti seperti ini amat membantu

pelajar dalam meningkatkan prestasi diri dan juga kemahiran mereka. Kelebihan *e-learning* ini adalah kerana ia menawarkan interaksi secara satu-ke-satu, satu-ke-ramai dan ramai-ke-ramai (Holmes dan Gardner, 2006).

Terdapat individu-individu pendiam yang mampu memberikan pandangan atau pendapat yang menakjubkan melalui pembelajaran yang melibatkan komunikasi secara *asynchronous* seperti *e-learning*. Individu-individu ini biasanya lebih selesa untuk bertanya dan berbincang melalui *e-learning* (Bach, Haynes dan Lewis Smith, 2007). Sebarang sesi pembelajaran yang memerlukan pelajar berbincang dan tampil tanpa pelajar bersedia tidak akan memberikan pengalaman belajar yang bermakna kepada pelajar-pelajar. Oleh itu, peruntukan waktu untuk pelajar bersedia mental dan fizikal adalah penting dalam usaha memberikan pengalaman pembelajaran yang bermakna kepada pelajar.

Pandangan Bach, Haynes dan Lewis Smith (2007) turut mendukung dapatan kajian ini di mana mereka menyatakan bahawa pendekatan komunikasi yang digunakan *e-learning* memberikan tempoh masa yang fleksibel kepada penggunaanya untuk memulakan atau menamatkan sesuatu perbincangan. Hasilnya, perbincangan yang berjalan lebih terarah dan pelajar bersedia sebelum menyertai perbincangan tersebut. Persediaan pelajar haruslah dititikberatkan sebelum bermulanya pembelajaran atau perbincangan.

## **Rujukan**

- Ahmad Basri Hashim (2003). *Pendidikan dalam Internet*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Azizi Yahaya et al. (2006). *Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Selangor: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Bach, S., Haynes, P. dan Lewis Smith, J. (2007). *Online Learning and Teaching*. Berkshire: Mc Graw Hill.
- Broadbent, B. (2002). *ABC's of E-learning Reciping the Benefits and Avoiding the Pitfalls*. San Francisco: Jassy-Bass.
- Collis, B. (1999). Designing for Differences: Cultural Issues in the Design of WWWBased Course-Support Sites. *British Journal of Educational Technology*. 30 (3), 201 – 215.
- Holmes, B. dan Gardner, J. (2006). *E-learning: Concepts and Practice*. London : SAGE Publications.
- Ismail Zain (2002). *Aplikasi Multimedia dalam Pengajaran*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Jamalludin Harun dan Zaidatun Tasir (2003). *Multimedia dalam Pendidikan*. Pahang: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Lynch, M. M. (2002). *The Online Educator: A Guide to Creating the Virtual Classroom*. London: RoutledgeFalmer.
- McIsaac, M.S., Blocher, J. M., Mahes, V., dan Vrasidas, C. (1999). Student and Teacher Perceptions of Interaction in Online Computer-Mediated Communication. *Educational Media International*, 36 (2), 121-131.
- Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Skudai: Penerbitan Universiti Teknologi Malaysia
- Noran Fauziah Yaakub (Ed.) (1991). *Psikologi Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Othman Mohamed (2001). *Penulisan Tesis dalam Bidang Sains Sosial Terapan*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.